

## ANALISIS STRATEGI PENGURUSAN ZAKAT DALAM MENDEPANI COVID-19: TINJAUAN DI UNIT ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF UiTM CAWANGAN KELANTAN (UZSW)

### *Analysis of Zakat Management Strategy in Dealing With COVID-19: An Overview of Zakat, Sedekah and Wakaf Unit UiTM Kelantan (UZSW)*

Noraini Junoh<sup>1a\*</sup>, Mohd Nazri Mat Zin<sup>2b</sup>, Ahmad Murshidi Mustapha<sup>3c</sup>, Norazmila Yusuf<sup>4d</sup>, Nor Asmira Mat Jusoh<sup>5e</sup>, Zanirah Mustafa@Busu<sup>6f</sup> dan Nik Muniyati Nik Din<sup>7g</sup>

<sup>a</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kelantan, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia.

E-mel: [norainijunoh@uitm.edu.my](mailto:norainijunoh@uitm.edu.my)

<sup>b</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kelantan,

E-mel: [nazri743@uitm.edu.my](mailto:nazri743@uitm.edu.my)

<sup>c</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kelantan,

E-mel: [ahmadmurshidi@uitm.edu](mailto:ahmadmurshidi@uitm.edu)

<sup>d</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kelantan,

E-mel: [norazmila.yusuf@uitm.edu.my](mailto:norazmila.yusuf@uitm.edu.my)

<sup>e</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kelantan,

E-mel: [asmira@uitm.edu.my](mailto:asmira@uitm.edu.my)

<sup>f</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kelantan,

E-mel: [zanir126@uitm.edu.my](mailto:zanir126@uitm.edu.my)

<sup>g</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kelantan,

E-mel: [nikmuniyati@uitm.edu.my](mailto:nikmuniyati@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author: [norainijunoh@uitm.edu.my](mailto:norainijunoh@uitm.edu.my)

Received: 06 December 2022

Accepted: 12 December 2022

Published: 15 January 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.502>

Abstrak	Abstract
<p>Wabak COVID-19 telah menular di seluruh dunia selama hampir dua tahun. Penularan wabak ini telah menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik kerana telah menjejaskan pelbagai sektor terutamanya ekonomi, sosial, pendidikan dan sektor kesihatan tanpa sempadan. Keadaan ini turut memberi kesan kepada institusi dan pusat zakat apabila kadar kemiskinan dalam kalangan pelajar dan lingkungan mereka yang terjejas oleh masalah kesihatan</p>	<p>The COVID-19 outbreak has been spreading around the world for almost two years. The spread of this epidemic has led the World Health Organization (WHO) to declare COVID-19 as a pandemic as it has affected various sectors especially the economic, social, educational and borderless health sectors. This situation also affects zakat institutions and centers when the poverty rate among students and those affected by health problems increases. At the same time, the number of those who still</p>

<p>meningkat. Pada masa yang sama, jumlah mereka yang masih tercicir daripada menerima bantuan zakat tetap berlaku. Selain itu, perekodan data golongan asnaf yang kurang efisien juga menjadi antara masalah yang dihadapi dalam penyaluran bantuan. Hal ini memerlukan institusi dan pusat zakat merangka strategi baharu dalam mendepani pandemik ini. Justeru, kajian ini menganalisis strategi Unit Zakat Sedekah dan Wakaf UiTM Cawangan Kelantan (UZSW) dalam pengurusan zakat bagi mendepani pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpul daripada data sekunder, iaitu laporan tahunan bagi mendapatkan data berkaitan UZSW daripada tahun 2020 hingga 2021. Data primer turut digunakan melalui kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pengagihan zakat asnaf pelajar. Metode observasi juga turut digunakan bagi memahami gerak kerja UZSW dalam memastikan pengagihan zakat dilaksanakan secara efektif. Hasilnya, beberapa tema ditakrifkan daripada data sebelum dianalisis berdasarkan kaedah analisis kandungan.</p> <p><b>Kata kunci:</b> UZSW, strategi pengurusan zakat, COVID-19</p>	<p>drop out of receiving zakat assistance remains the same. Apart from that, the inefficient data recording of the asnaf group is also one of the problems faced in the distribution of aid. This requires institutions and zakat centers to formulate new strategies in the face of this pandemic. Thus, this study examines the strategy of the Zakat Sedekah and Wakaf Unit of UiTM Kelantan Branch (UZSW) in the management of zakat to face the COVID-19 pandemic. This study uses a qualitative method. Data was collected from secondary data, namely the annual report to obtain data related to UZSW from 2020 to 2021. Primary data was also used through interviews to obtain accurate information on the distribution of zakat asnaf students. Observation methods are also used to understand the work of UZSW in ensuring the distribution of zakat is implemented effectively. As a result, several themes were defined from the data before being analyzed based on content analysis methods.</p> <p><b>Keywords:</b> UZSW, zakat management strategies, COVID-19</p>
---	---

## 1. PENGENALAN

Sejak akhir tahun 2019 sehingga kini, setiap negara menghadapi cabaran yang kritikal apabila diserang dengan virus COVID-19. Virus tersebut bukan sahaja membawa penyakit, malah ia turut boleh meragut nyawa. Penyebaran wabak tersebut mendorong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2020) mengkategorikan keadaan tersebut sebagai pandemik. Ini kerana wabaknya sangat meluas tanpa sempadan sehingga mengancam kawasan di seluruh dunia dan sukar dikawal. Penyebaran wabak ini telah memberi kesan buruk kepada seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Wabak ini mengakibatkan lebih daripada 4.5 juta kematian dan lebih daripada 220 juta orang dijangkiti COVID-19 di seluruh dunia (Worldmeters, 2021). Justeru, antara perkara yang paling terjejas disebabkan oleh penularan wabak ini adalah terhadap sektor kesihatan dan ekonomi (Zuriani et al., 2022; Khairul Hisyam et al., 2021).

Penelitian menunjukkan pandemik ini telah memberikan impak yang sangat besar kepada banyak pihak, ia bukan sahaja kepada kumpulan asnaf tetapi kumpulan B40 juga turut terkesan yang dahulunya sebahagian mereka bukan asnaf (Hazwan Syah Niezam, Muhamad Nor Habibi dan Nor Hayati, 2021). Kesan daripada wabak COVID-19 turut dirasai oleh pengurusan Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM Cawangan Kelantan (UZWS) apabila golongan asnaf dalam kalangan pelajar semakin meningkat. Dalam masa yang sama, permohonan zakat secara manual yang dijalankan sebelum ini memerlukan penelitian rinci supaya golongan asnaf tidak tercicir (Mohd Miqdad Aswad, 2022). Bagi memastikan kelancaran agihan zakat asnaf pelajar khususnya, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh UZWS bagi membantu wargakerja dan para pelajar UiTM Cawangan Kelantan yang terjejas daripada pelbagai aspek terutamanya dalam aspek ekonomi. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis strategi pengurusan UZWS dalam mendepani COVID-19.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pengumpulan data sekunder, iaitu laporan tahunan bagi mendapatkan data berkaitan UZSW daripada tahun 2020 hingga 2021. Data primer turut digunakan melalui kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pengagihan zakat asnaf pelajar. Temubual dilakukan ke atas Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Dr. Mohd Miqdad Aswad Ahmad dan Dr. Mohd Nazri Mat Zin selaku Koordinator UZSW bagi membentuk pola-pola pemikiran pengurusan zakat UiTM dan menggariskan isu-isu dan kekangan yang dihadapi dalam pengagihan zakat asnaf pelajar.

Metode observasi juga turut digunakan bagi memahami gerak kerja UZSW dalam memastikan pengagihan zakat dilaksanakan secara efektif. Metod ini bermaksud sesuatu pengamatan yang terancang ke atas sesuatu keadaan bagi membolehkan penyelidik membuat deskripsi yang jelas terhadap keadaan tersebut (Chua, 2006). Melalui kaedah ini, selaku ahli Lajnah UZSW, penulis boleh mendapatkan maklumat secara firsthand tentang sesuatu fenomena dan apa yang sebenarnya berlaku (Sharan, 2002). Metod yang digunakan membolehkan penulis membuat tinjauan secara langsung di UZSW yang menjalankan amalan pengagihan zakat merangkumi observasi strategi yang disusun oleh unit tersebut.

Data kualitatif yang diperolehi daripada kaedah dokumentasi, temubual dan observasi dianalisis secara *thematic*, induktif, deskriptif dan komparatif. Analisis kandungan teks turut digunakan dalam meneliti laporan UZSW bagi melihat pengurusan agihan yang menepati keperluan asnaf semasa pandemic

COVID-19 khususnya. Analisis yang diperolehi akan digunakan untuk membina dan memperkasa sistem pengurusan zakat di UZSW supaya lebih efisien dan efektif.

### 3. DAPATAN

#### 3.1 *Pemeriksaan UZSW Melalui Penstrukturan Organisasi*


Kecemerlangan organisasi disebabkan pelbagai faktor. Salah satu kekuatan organisasi adalah berada pada kepimpinan pengurusan yang mantap dan beretika (Zaharah et.al., 2009). Bahkan Masitah Idris et.al. (2019) menegaskan bahawa semakin teratur sesebuah pengurusan organisasi maka semakin berkualiti nilai kerja yang dihasilkan. Sistem yang disusun secara teratur memberi kesan yang optimum dalam mengurus organisasi yang ditadbir.

Unit Hal Ehwal Islam merupakan entiti asal Unit Agama yang ditubuhkan pada 3hb Mac 1971 diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Ia ditubuhkan dengan tujuan membantu para pelajar melengkapkan diri dengan pengetahuan asas agama, disamping menyelesaikan masalah agama yang sentiasa berbangkit di kalangan pelajar.

Mulai Februari 1998 Unit Agama diberi nama baharu iaitu Unit Kemajuan Islam yang diletakkan di bawah Pusat Khidmat Islam Bersepadu (PKIB) dan ditempatkan di Pusat Islam UiTM. Peranan dan fungsinya diperluaskan kepada khidmat penyebaran agama di kalangan staf di samping hakikinya perkhidmatan kepada pelajar. Pada Januari 2001 ia dikembalikan semula ke fungsi asalnya perkhidmatan kepada pelajar dan dinamakan semula Unit Agama. Pada 13 Januari 2004 pengisytiharan Pusat Pendidikan Islam sebagai Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU)/Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam dan Unit Agama diletakkan di bawah naungan CITU dan diberi nama baru sebagai Pejabat Hal Ehwal Islam (HEI). Manakala pada 21 Mei 2013 CITU telah dinaik taraf kepada Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) dan Hal Ehwal Islam turut diangkat menjadi Pusat Islam. Sekali lagi, pada 14 Jun 2017, Majlis Eksekutif Universiti Bil.14/2017 telah membuat keputusan meluluskan penambahbaikan tadbir urus dan kini Bahagian Hal Ehwal Islam diletakkan terus di bawah Pejabat Naib Canselor, manakala Unit Hal Ehwal Islam di kampus cawangan di letakkan dibawah Pejabat Rektor Universiti.

Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM Cawangan Kelantan. (UZWS) sebagai salah satu medium menyampaikan maklumat mengenai Zakat, Sedekah dan

Wakaf terutama kepada warga kerja dan pelajar UiTM. UZWS diketuai oleh Dr. Mohd Nazri Mat Zin dan dibantu oleh tujuh orang ketua setiap lajnah serta ahli jawatankuasa.



Rajah 1. Carta Organisasi UZSW 2022

### 3.2 Pembahagian portfolio setiap lajnah

UZWS bertanggungjawab mengurus, merancang dan melaksanakan dasar, polisi dan keputusan yang diputuskan Jawatankuasa Akaun Amanah Zakat, Sedekah dan Wakaf dan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (BZSW). Pengurusan yang berkaitan dengan zakat di UiTM Cawangan Kelantan diurus sepenuhnya oleh unit ini bermula daripada penerimaan permohonan zakat sehingga urusan pengagihan. Unit ini telah menyusun pembahagian lajnah yang tertentu beserta portfolio yang jelas dalam melancarkan pengurusan amanah zakat, sedekah dan wakaf yang disalurkan. Unit ini membahagikan portfolio tugas kepada lajnah-lajnah tertentu, sebagaimana berikut:

**Jadual 1.** Tugas dan peranan setiap lajnah

Bil.	Lajnah	Tugas & Peranan
1	Kutipan dan Agihan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar kutipan zakat</li> <li>2. Merekod kutipan zakat bagi staf UiTMCK</li> <li>3. Melakukan promosi secara berkala kepada setiap staf mengenai keutamaan membayar zakat melalui MAIK.</li> <li>4. Bertanggungjawab dalam urusan pengagihan zakat kepada asnaf yang berkecukupan</li> <li>5. Merekod pengagihan dana zakat</li> <li>6. Melaksanakan arahan dari masa ke semasa yang diberikan oleh UZSW</li> </ol>
2	Siasatan Asnaf	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menilai, menyemak dan memantau operasi yang berkaitan dengan siasatan asnaf zakat bagi tujuan agihan dalam mematuhi kehendak Syariah.</li> <li>2. Menyiasat dan memproses permohonan bantuan untuk menentukan kesahihan dan kelayakan mengikut garis panduan dan kelayakan yang telah ditetapkan.</li> <li>3. Menyelaras dan membuat siasatan terhadap permohonan bagi mereka yang memerlukan bantuan dan perhatian daripada Unit Zakat Sedekah dan Wakaf.</li> <li>4. Melaksanakan arahan dari masa ke semasa yang diberikan oleh UZSW</li> </ol>
3	Promosi & Publisiti	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengendalikan laman web berkaitan UZSW</li> <li>2. Mempromosikan dan mengiklankan UZSW kepada umum</li> <li>3. Melaksanakan arahan dari masa ke semasa yang diberikan oleh UZSW</li> </ol>
4	Kebajikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperkasa kebajikan Unit</li> <li>2. Memastikan kebajikan Asnaf sentiasa terjaga</li> <li>3. Memperkasa kebajikan Staf yang memerlukan</li> <li>4. Melaksanakan arahan dari masa ke semasa yang diberikan oleh UZSW</li> </ol>
5	Inovasi dan Penyelidikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghasilkan inovasi dan penyelidikan berkaitan zakat, sedekah dan wakaf</li> <li>2. Memperkasakan unit melalui inovasi dan penyelidikan</li> <li>3. Melaksanakan arahan dari masa ke semasa yang diberikan oleh UZSW</li> </ol>
6	Wakaf dan Sedekah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengendalikan urusan sedekah dan wakaf</li> <li>2. Memperkenalkan saluran yang terbaik bagi mereka yang ingin bersedekah dan berwakaf</li> </ol>

- |   |                       |   |
|---|-----------------------|---|
|   |                       | 3. Memperkasakan sedekah dan wakaf ke peringkat antarabangsa  |
|   |                       | 4. Melaksanakan arahan dari masa ke semasa yang diberikan oleh UZSW   |
| 7 | Hubungan Antarabangsa | 1. Merangka jalinan antarabangsa dalam konteks pengurusan zakat, sedekah dan wakaf dengan institusi atau badan antarabangsa   |
|   |                       | 2. Menjadikan UZSW UiTM Cawangan Kelantan sebagai medium perantaraan hubungan dua hala antara UiTM Cawangan Kelantan dengan mana-mana organisasi di peringkat antarabangsa. |

---

(Sumber: Laporan Tahunan UZSW)

Setiap lajnah yang diwujudkan dianggotai oleh ahli-ahli yang dipilih daripada kalangan pensyarah dan juga pegawai pentadbiran. Gabungan kerjasama dalam semua peringkat anggota memberikan impak yang positif dalam mencapai pengurusan zakat yang efisien di peringkat UiTM Cawangan Kelantan.


Selain menguruskan pelaksanaan dasar kutipan dan agihan zakat, sedekah dan wakaf serta pembangunan sumber dan dana untuk pembangunan asnaf, (UZWS) menerima bayaran semua jenis zakat seperti zakat pendapatan, KWSP, dan emas/perak. Menggunakan sistem memproses berkomputer, resit dan laporan yang dilaksanakan oleh UZSW. Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) telah memberi kebenaran kepada (UZWS) bagi melaksanakan operasi agihan dan kutipan zakat mulai tahun 2017. Kerjasama dengan Majlis Agama Negeri-negeri turut dipergiatkan bagi membolehkan kutipan dan agihan zakat dibuat di seluruh sistem UiTM. Kutipan zakat dilaksanakan dalam dua bentuk utama iaitu kutipan tunai (kepada semua jenis zakat) dan kutipan secara potongan gaji (zakat pendapatan sahaja) (<https://kelantan.uitm.edu.my/unit-zakat-wakaf-dan-sedekah>).

#### 4. PERBINCANGAN

##### 4.1 Analisis Strategi Pengurusan UZSW Dalam Mendepani COVID-19

Dari sudut usaha UZSW dalam pengurusan zakat bagi menghadapi cabaran COVID-19 sepanjang tempoh dua tahun, pihak UZSW telah melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif bagi memastikan peranan dan fungsi unit terlaksana. Antara inisiatif utama yang dilakukan adalah permohonan zakat pelajar atas talian, iaitu Sistem e-Zakat.

Sistem e-Zakat merupakan sistem permohonan zakat pelajar yang dibangunkan oleh Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Shah Alam. Sistem ini dikendalikan di bawah portal rasmi UiTM di bawah HEP dan para pelajar yang memohon akan disaring terlebih dahulu oleh HEP. Proses pengiklanan permohonan zakat akan dibuka kepada para pelajar melalui saluran edaran email, facebook, whatsapps, telegram dan seumpamanya. UZSW juga melantik panel penemuduga dalam kalangan Penyelaras Program bagi setiap fakulti kerana mereka lebih dekat dengan para pelajar. Sistem e-zakat akan dibuka selama sebulan bagi permohonan pelajar dan mereka mengisi sendiri segala maklumat terkini yang berkaitan. Permohonan yang lewat atau tidak lengkap tidak akan dimasukkan dalam sistem. Proses kelulusan permohonan e-zakat akan mengambil masa selama dua minggu (Mohd Nazri Mat Zin, 2021).



## Rajah 2. Aliran operasi sistem e-zakat online

(Sumber: Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM Shah Alam)

Berdasarkan carta alir di atas, setelah permohonan diterima, para pemohon akan melalui tapisan tatatertib di peringkat Hal Ehwal Pelajar (HEP). Mereka akan menyokong para pemohon untuk melayakkan temuduga dijalankan oleh panel-panel penemuduga. Panel-panel akan menemubual para pemohon untuk mendapatkan maklumat dan kepastian status kedudukan mereka sama ada dalam kategori asnaf ataupun tidak. Di peringkat UZSW UiTM Cawangan Kelantan ini, hanya dua asnaf yang diberikan keutamaan iaitu asnaf fakir dan miskin. Untuk setakat ini had kifayah yang digunakan adalah RM1500 pada tahun 2020 dan RM2500 pada tahun 2021. Perubahan had kifayah ini berdasarkan keputusan mesyuarat di peringkat unit berdasarkan penilaian dan kemaslahatan semasa. Namun, satu kajian berkaitan dengan penetapan had kifayah yang khusus di peringkat UZSW UiTM Cawangan Kelantan, masih dalam proses kajian terperinci oleh beberapa orang pengkaji melalui Geran Dalam UiTM Cawangan Kelantan. Hasil yang akan diperolehi di harap dapat membantu pihak unit dalam menyelaraskan penggunaan had



kifayah bagi penentuan asnaf zakat yang selayaknya.

Setelah temubual dijalankan oleh para panel penemuduga, maklumat tersebut akan digunakan oleh pihak jawatankuasa unit untuk menimbang dan menilai kelayakan sebenar pemohon sebagai asnaf zakat. Keputusan yang diambil di peringkat unit berkaitan jumlah asnaf yang akan menerima bantuan zakat serta jumlah zakat yang akan diberikan, kemudiannya akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Agihan yang dipengerusikan sendiri oleh Rektor UiTM Cawangan Kelantan.

Keputusan daripada pihak Jawatankuasa Agihan dikira sebagai muktamad dan akan tindakan pengagihan akan dilaksanakan selaras dengan keputusan ahli jawatankuasa tersebut. Para pemohon yang terpilih akan dikumpulkan dalam satu medium, iaitu telegram kerana hal ini lebih mudah untuk menyampaikan maklumat zakat yang akan diberikan. Setelah maklumat yang berkaitan pemohon jelas terutamanya nombor akaun, pihak jawatankuasa UZSW akan menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak bendahari untuk proses pengagihan zakat. Tempoh masa bagi pengagihan tersebut sekitar satu hingga dua minggu.

Sistem e-Zakat UZSW Cawangan Kelantan telah dikendalikan pada 2 semester, iaitu pada semester Mac2021-Ogos 2021 dan September 2021-Februari 2022. Pada semester Mac2021-Ogos 2021, sebanyak RM48,400 diagihkan kepada 242 orang daripada asnaf pelajar dan sebanyak RM54,650.00 diagihkan kepada 211 orang pelajar pada September 2021-Februari 2022 (Laporan Tahunan 2020 dan 2021). Jumlah agihan meningkat walaupun asnaf pelajar berkurang disebabkan jumlah agihan setiap asnaf pada semester sebelum adalah RM200 bagi setiap asnaf dan semester seterusnya adalah RM200-RM300 mengikut kategori asnaf fakir dan miskin (Mohd Nazri Mat Zin, 2022). Perubahan jumlah agihan ini ditentukan berdasarkan jumlah permohonan yang ramai dan jumlah peruntukan tidak mencukupi untuk menampung keperluan setiap asnaf kerana jika dilihat kedudukan pelajar, mereka semua sememangnya layak untuk menerima zakat lebih-lebih lagi menghadapi COVID-19. Bentuk agihan ini diberikan untuk menampung sara hidup para asnaf dan dikreditkan terus dalam akaun mereka. Walaupun jumlah yang diberikan tidaklah mengeluarkan mereka daripada status asnaf, namun sekurang-kurangnya membantu mereka menghadapi kemelut kemiskinan era pandemik ini.

Dari sudut usaha kutipan zakat, pihak UZSW telah menjalankan beberapa inisiatif penting, iaitu setiap agihan peruntukan zakat akan dikongsikan dengan media-media elektronik utama dan di laman web rasmi UiTM Cawangan Kelantan, ia adalah untuk menarik perhatian masyarakat Islam

untuk terus menyumbang bagi kebajikan umat Islam. Inisiatif tersebut juga adalah untuk meningkatkan ketelusan dalam pengurusan zakat di UiTM Cawangan Kelantan. Selain itu, kempen-kempen pembayaran zakat juga dijalankan oleh pihak UZSW melalui laman web rasmi UiTM Cawangan Kelantan.

Usaha yang dilakukan oleh pihak UZSW ini adalah selari dengan kajian Umar et al. (2021) bahawa melalui hubungan langsung di antara kesedaran dan pengetahuan mengenai instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat, berpotensi memberikan sumbangan positif untuk meningkatkan kutipan zakat semasa pandemik COVID-19. Menurut kajian Yusoff et al. (2018), kempen zakat melalui media elektronik merupakan sumber maklumat utama bagi golongan muda untuk membayar zakat pendapatan. Penggunaan sistem e-Zakat ini juga selari dengan kajian Khairul Azhar Meerangani (2021) yang melihat potensi zakat ke arah digilisasi bagi memperkasakan lagi pengurusan zakat di Malaysia.

Dalam situasi pandemik COVID-19, pihak UZSW UiTM Cawangan Kelantan amat prihatin khususnya terhadap para pelajar. Hasil data yang diperolehi daripada para pemohon zakat, rata-rata menjelaskan situasi keluarga yang kekurangan sumber pendapat kerana pandemik yang berlaku. Selaras dengan itu, pihak unit bekerja keras dalam mengenalpasti para pelajar yang terkesan untuk disalurkan bantuan. Sehubungan itu, pihak UZSW menjalin hubungan baik dengan pihak pengurusan UiTM Cawangan Kelantan, khususnya di setiap bahagian fakulti untuk mereka menyalurkan maklumat secara langsung kepada pihak UZSW berkaitan para pelajar yang memerlukan bantuan. Peningkatan golongan yang terjejas akibat penularan COVID-19 turut menyukarkan institusi zakat untuk mengenal pasti dan membantu pihak-pihak yang terjejas (Kamrizal & Nenengsih, 2021). Namun, kerjasama dengan pelbagai pihak memudahkan bantuan untuk sampai kepada asnaf pelajar UiTM Cawangan Kelantan.

Di antara cabaran UZSW dalam suasana pandemik COVID-19 ini adalah peningkatan golongan asnaf yang terjejas dengan COVID-19 sedangkan peruntukan yang ada tidak mencukupi untuk diberi kepada setiap asnaf tersebut (Mohd Nazri, 2022). Penambahan asnaf ini adalah ketara apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19, ia memberi impak yang besar terutama kepada sektor ekonomi. Akibatnya beberapa sektor pekerjaan terpaksa menghentikan operasi serta-merta dalam usaha mengekang penularan COVID-19 (Fabeil et al., 2020). Para pelajar juga turut terkesan dengan kurangnya punca pendapatan keluarga disebabkan adanya kalangan ibu bapa yang terpaksa

berhenti kerja disebabkan PKP yang telah dilaksanakan.

Justeru, pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang amat besar bukan sahaja kepada golongan asnaf zakat, tetapi juga kepada golongan B40. Bahkan ia turut merebak kepada golongan M40 dan T20 terutama dalam kalangan para peniaga dan pekerja swasta yang terpaksa menutup perniagaan dan dibuang kerja terutama melibatkan sektor perkilangan, pelancongan, penerbangan dan industri kecil. Kesannya menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan negara meningkat kepada 8.4 peratus daripada 5.6 peratus pada tahun 2019 di mana jumlah kemiskinan isi rumah di Malaysia telah meningkat daripada 405,000 pada 2019 kepada 640,000 pada tahun 2020 (Fathullah Asni, 2021).

Di antara inisiatif lain adalah pihak UZSW telah turun padang bagi mengenalpasti golongan-golongan yang terjejas melalui program Jejak Asnaf. Walaupun PKP yang dilaksanakan membawa risiko kepada ahli lajnah, pihak UZSW sentiasa berusaha menjejaki golongan asnaf melalui pelbagai saluran dan kaedah selain daripada mematuhi SOP sekiranya pergi ke tempat-tempat yang terjejas dengan jangkitan COVID-19. Hal ini bagi memastikan keperluan asnaf sentiasa dititikberatkan. Antara asnaf yang disantuni adalah berada di Machang, Pasir Mas dan Kota Bharu (Laporan Program Jejak Asnaf 2020).

Unit Zakat Wakaf Dan Sedekah Universiti Teknologi Mara juga telah mengagihkan bantuan zakat berjumlah RM45,000.00 dibawah asnaf miskin bagi tujuan diagihkan kepada 30 orang pelajar asnaf miskin. Program ini dapat membantu meringankan beban pelajar untuk membeli komputer riba bagi kegunaan pembelajaran dan membolehkan mereka melaksanakan pembelajaran dalam talian semasa penutupan universiti disebabkan pandemik COVID-19. Majlis penyerahan komputer telah diadakan dengan jayanya pada hari rabu 17 Mac 2021 di kedai komputer kedai East Komputer Kota Bharu, Kelantan memandangkan pada masa itu masih lagi terikat dengan SOP yang ketat untuk pelajar memasuki kawasan kampus (Laporan Program Sumbangan Komputer Riba 2021). Pihak AJK bersetuju untuk membuat penyerahan di kedai komputer memandangkan peraturan yang ketat kepada pelajar yang ingin memasuki kampus dan persetujuan daripada pihak pelajar sendiri. Hal ini membolehkan para pelajar mendapatkan komputer riba masing-masing dengan lebih cepat untuk keperluan mereka melaksanakan pembelajaran online.

Terdapat juga beberapa kekangan dalam melaksanakan program ini seperti program tidak dapat dilaksanakan di dalam kampus disebabkan PKP, pelajar yang jauh terpaksa diposkan dan jumlah pelajar penerima bantuan hanyalah

30 orang sahaja sedangkan jumlah pelajar asnaf yang memerlukan lebih ramai. Walaupun demikian, program ini telah berjalan dengan lancar dan teratur sebagaimana yang telah dirancang dan mendapat kerjasama yang baik daripada semua pihak. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program seperti ini pada masa akan datang perlu kepada penambahan sumbangan zakat yang lain bagi memperkasakan lagi program-program seperti ini.

Dengan adanya strategi dan inisiatif yang dijalankan oleh pihak UZSW ini menunjukkan keprihatinan pihak unit terhadap para pelajar lebih-lebih lagi dalam suasana pandemik ini. Hal ini juga setara dengan pihak-pihak lain dalam menjalankan tanggungjawab bagi membantu golongan yang memerlukan terutama golongan asnaf dan golongan B40. Menurut Mohammad Ashraf Sarakawi (2021), bentuk-bentuk bantuan sebegini amat diperlukan dan sesuai dengan keadaan masyarakat yang sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19. Menjadi tanggungjawab pihak UZSW untuk melindungi kesejahteraan sosial dan ekonomi golongan asnaf sama ada semasa mahupun selepas wabak COVID-19. Suhaida et al. (2021) menjelaskan ramai daripada kalangan asnaf telah hidup dalam kemiskinan sebelum wabak COVID-19 dan ketika pandemik ini berlaku, golongan asnaf terpaksa membuat keputusan yang drastik dan akhirnya memungkinkan mereka tergelincir ke jurang kemiskinan yang lebih teruk sekiranya keadaan ekonomi semakin merosot.

## 5. KESIMPULAN

Penularan wabak COVID-19 telah hampir dua tahun menular di seluruh dunia telah menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik kerana telah menjejaskan pelbagai sektor terutama terhadap sektor ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan tanpa sempadan. Situasi ini turut menjejaskan institusi zakat apabila kadar kemiskinan dan pihak yang terjejas dengan masalah kesihatan semakin meningkat, maka ia sudah pasti membawa impak yang signifikan terhadap keperluan pengagihan zakat yang semakin tinggi.

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh pihak Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM Cawangan Kelantan (UZWS) dalam menghadapi cabaran COVID-19 kepada wargakerja dan para pelajar UiTM cawangan Kelantan. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, ia berjaya memenuhi objektif yang digariskan, iaitu pihak Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM Cawangan Kelantan (UZWS) telah menjalankan beberapa inisiatif penting terutama dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat dalam mendepani cabaran COVID-19. Antara inisiatif tersebut ialah permohonan

asnaf pelajar melalui Sistem e-Zakat, Program Jejak Asnaf dan Sumbangan Komputer Riba Asnaf. Usaha-usaha yang dilakukan ini mampu mengurangkan impak pandemik COVID-19 terutama kepada para pelajar UiTM Cawangan Kelantan. Dalam masa yang sama, pengurusan UZSW dalam melestarikan agihan zakat kepada pelajar dapat dilaksanakan dengan efisien dan memaksimumkan pemberian agihan zakat kepada golongan asnaf pelajar khususnya.

## **6. PENGHARGAAN**

Barisan penulis merupakan ahli Special Interest Group (SIG) Kelestarian Asnaf ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan atas sokongan untuk menerbitkan artikel ini. Setinggi penghargaan juga kepada UiTM di atas pembiayaan Geran Dalam Dana UiTMCK dengan tajuk kajian “Pembentukan Model Had Kifayah Pelajar Asnaf UiTM Cawangan Kelantan” (600-TNCPI 5/3/DDN (03) (003/2021).

## 7. RUJUKAN

- Al-Qardhawi, Yusuf. (1987). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., & Langgat, J. (2020). The impact of Covid-19 pandemic crisis on micro-enterprises: Entrepreneurs' perspective on business continuity and recovery strategy. *Journal of Economics and Business*, 3(2).
- Fathullah Asni. (2021). Pengurusan Kutipan Dan Agihan Zakat Oleh Maips Ketika Covid-19 Di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian. E-Proceedings International Journal of Islamic Economics and Finance Research, 4(2), 1-13.
- Haniff, H. S. N. A., Long, M. N. H., dan Ahmad, N. H. (2021). Inisiatif dan Inovasi Institusi Zakat Era Pandemik Covid-19 – Satu Penelitian Terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *International Journal of Islamic Business*, 6(2), 1-14.
- Kamrizal, K., dan Nenengsih, N. (2021). Strategy of Zakat Collection during the Covid-19 Pandemic at Padang City (Case Study at LAZ Charity Risalah). *International Journal on Advanced Science, Education, and Religion*, 4(1), 76-85.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Taufik Md Sharipp, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohammad Fahmi Abdul Hamid & Abdul Qayuum Abdul Razak. (2021). Digitalisasi Sistem Pengurusan Zakat Di Malaysia: Potensi Dancabaran. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 6, 36-48.
- Khairul Azhar Meerangani. (2017). Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam Di Malaysia. Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017 Kolej Universiti Islam Melaka.
- Khairul Hisyam Kamarudin, Asan Ali Golam Hassan @ Mohammad, Mohamad Fadhli Rashid dan Nanthakumar Loganathan. (2021). Impak Covid-19 Terhadap Kelestarian Sosioekonomi Masyarakat Pedalaman di Malaysia: Kajian Kes Daerah Segamat Johor. *Journal of Education and Social Sciences*, 18(3), 33-43.
- Laporan Dokumen Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf tahun 2020 dan 2021.

Laporan Program Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf tahun 2020 dan 2021.

Masitah Idris et. al. (2019). Kualiti Kerja Dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam. *International Journal of Islamic Thought*, Universiti Kebangsaan Malaysia . Vol. 15.

Mohammad Ashraf Sarakawi, Nurhatizah Jaroman, Asfarina Madjais, Jabil Mapjabil & Datu Razali Datu Eranza. (2021). Prosedur Dan Keberkesanan Agihan Bantuan Kepada Komuniti Tempatan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Semasa Pandemik COVID-19. *Journal of Tourism, Hospitality And Environment Management (JTHERM)*, 6(23), 104-116.

Mohd Nazri Mat Zin. (2021). <https://kelantan.uitm.edu.my/index.php/info-am/194-permohonan-zakat-pelajar-atas-talian-bagi-pelajar-diploma-dan-ijazah-sarjana-muda>. Tarikh akses 20 Februari 2021.

Nur Farhana Muhammad Puad & Mohammad Syukri Jalil. (2021). Enhancement of Zakat Collection Management System During COVID-19 Pandemic: A Study on Zakat Institution in Kuala Muda, Kedah. *International Muamalat Conference 1<sup>st</sup> I-MAC 2021*. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu. eISBN: 978-967-26100-0-7.

Sharan B. Merriam. (2002). *Qualitative Research in Practice: Example for Discussion and Analysis*. United States: John Wiley & Sons, Inc.

Suhaida Abu Bakar, Zuraidah Mohamed Isa, Nor Hidayah Ali, Nor Azyyati Anuar & Dahlia Ibrahim. (2021). Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Golongan Asnaf: Kerangka Kerja Konseptual. *International Journal of Zakat And Islamic Philanthropy (March 2021)*, 3(1), 11-19.

Temubual Mohd Miqdad Aswad, Penolong Pegawai Kanan Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Kelantan. 21 Januari 2022.

Temubual Mohd Nazri Mat Zin, Koordinator Unit Zakat, Sedekah Dan Wakaf UiTM Cawangan Kelantan. Tarikh 10 Januari 2022.

Umar, U. H., Baita, A. J., Haron, M. H. B., & Kabiru, S. H. K. (2021). The Potential of Islamic Social Finance to Alleviate Poverty in The Era of COVID-19: The Moderating Effect of Ethical Orientation. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.

- WHO. (2020). Coronavirus disease (COVID-19) Pandemic. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>. Tarikh akses 30 Ogos 2021.
- WORLDMETERS. (2021). COVID-19 Corona Virus Pandemic. <https://www.worldometers.info/coronavirus/>. Tarikh akses 30 Ogos 2021.
- Yusoff, S. H. (2018). Keberkesanan Media Mempromosikan Zakat Pendapatan Sebagai Alternatif Kepada Cukai Pendapatan. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Zaaharah et. al. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bil. 10.
- Zuriani Ibhrim, Zaleha Muda, Izzah Nur Aida Zur Raffar, Suhaila Abdul Aziz dan Madihatun Zainuddin. (2022). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Kesejahteraan Ekonomi Isi Rumah B40: Satu Kajian Rintis. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 5(39), 39-52.

**Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.